

IMPLEMENTASI AKTA PENGAMBILAN TANAH 1966 DAN KESANNYA TERHADAP KEDUDUKAN POLITIK MASYARAKAT MELAYU DI SINGAPURA, 1966-1990

(IMPLEMENTATION OF THE LAND ACQUISITION ACT 1966 AND ITS IMPACT ON THE POLITICAL POSITION OF THE MALAY COMMUNITY IN SINGAPORE, 1966-1990)

¹Muhammad Naim Fakhirin Rezani*

¹Senior Lecturer, Department of Nationhood and Entrepreneurship, Faculty of
General Studies and Advanced Education, Universiti Sultan Zainal Abidin

Corresponding author: naimfakhirin@unisza.edu.my *

ABSTRAK

Kepadatan penduduk Singapura semakin meruncing pada 1960-an, lebih-lebih lagi setelah berlakunya pembangunan ekonomi yang pesat. Keadaan ini secara tidak langsung memberi kesan terhadap penggunaan tanah di negara tersebut. Pada 1964, sebanyak 53.4 peratus tanah di Singapura telah digunakan untuk pelbagai sektor iaitu petempatan masyarakat, perindustrian dan perniagaan. Justeru itu, kerajaan Singapura mula merangka dasar supaya penggunaan tanah di negara tersebut dapat dikawal dan tidak disalahgunakan untuk tujuan yang lain. Berdasarkan kepada perkara tersebut, kerajaan Singapura melakukan semakan semula terhadap undang-undang yang membolehkan kawalan terhadap penggunaan tanah iaitu Ordinan Pengambilan Tanah yang berkuatkuasa di Singapura sejak 1920. Bahagian perundangan ini disemak semula dan dipinda kepada Akta Pengambilan Tanah 1966 (Land Acquisition Act 1966/LAA 1966) supaya dapat dikuatkuasakan secara menyeluruh di Singapura. Oleh itu, kajian ini bertujuan memperincikan pelaksanaan Akta Pengambilan Tanah 1966 di Singapura serta kesan penguatkuasaan akta tersebut dalam tempoh 1966 hingga 1990 terhadap kedudukan politik masyarakat Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan secara kualitatif berdasarkan sumber primer yang diperolehi dari National Archive Singapore seperti laporan dari Election Department dan House Development Board (HDB) sebagai sumber utama. Bagi mendapatkan kesinambungan kajian, Hansard Parlimen turut digunakan untuk rujukan. Selain itu, dokumen dari National Archive UK seperti rekod dari Foreign Office dan Colonial Office turut dijadikan sebagai sumber untuk rujukan. Dapatan kajian ini merumuskan tindakan yang dilakukan oleh kerajaan melalui LAA 1966 ini berjaya meningkatkan jumlah keluasan rizab tanah milik kerajaan dan menyusun semula petempatan masyarakat melalui HDB. Selain itu, penguatkuasaan LAA 1966 ini secara tidak langsung memberi kesan terhadap kedudukan politik masyarakat Melayu di Singapura.

Kata kunci: Perundangan; Politik; Demografi, Singapura; Melayu

ABSTRACT

Singapore's population density increased in the 1960s, especially after rapid economic development. This situation indirectly affected the use of land in the country. In 1964, 53.4 percent of the land in Singapore was used for various sectors, namely community settlements, industry and business. Therefore, the Singapore government began to formulate policies so that land use in the country could be controlled and not misused for other purposes. Based on this matter, the Singapore government reviewed the law that allows control over land use, namely the Land Acquisition Ordinance which has been in force in Singapore since 1920. This part of the legislation was revised and amended to the Land Acquisition Act 1966 (Land Acquisition Act 1966/LAA 1966) so that it could be enforced comprehensively in Singapore. Therefore, this study aims to detail the implementation of the Land Acquisition Act 1966 in Singapore and the impact of the enforcement of the act

during the period 1966 to 1990 on the political position of the Malay community. This study uses a qualitative content analysis method based on primary sources obtained from the National Archives of Singapore such as reports from the Election Department and the House Development Board (HDB) as the main source. To obtain continuity of the study, Hansard Parliament was also used for reference. In addition, documents from the National Archives of the UK such as records from the Foreign Office and Colonial Office were also used as a source for reference. The findings of this study summarize the actions taken by the government through the LAA 1966 which successfully increased the total area of government-owned land reserves and reorganized community settlements through the HDB. In addition, the enforcement of the LAA 1966 indirectly affected the political position of the Malay community in Singapore.

Keywords : Laws; Politics; Demographics; Singapore; Malays

PENGENALAN

Perkembangan politik di Singapura pada 1950-an memperlihatkan berlakunya perubahan pentadbiran British kepada pentadbiran eksekutif yang terdiri dari masyarakat tempatan. Perkara ini berlaku ekoran perubahan perlembagaan yang dilakukan pada 1954 iaitu melalui pengenalan sistem pilihan raya bagi memilih parti yang akan membentuk kerajaan buat pertama kali dalam sejarah politik negara itu (CO 1030/475). Pilihan Raya Umum Singapura 1955 (PRUS 1955) merupakan pilihan raya pertama yang diadakan untuk tujuan pembentukan kerajaan yang diterajui oleh rakyat tempatan. Pada PRUS 1955 ini sebanyak 25 kerusi yang dipertandingkan dan Barisan Buruh (*Labour Front/LF*) menjadi parti paling banyak memenangi kerusi iaitu 10 kerusi. Walaupun begitu, kemenangan ini memerlukan gabungan dengan parti lain kerana jumlah kerusi yang dimenangi LF tidak melepasi syarat majoriti. Justeru itu, LF berpakat dengan beberapa parti lain iaitu *United Malays National Organization* (UMNO) satu kerusi, *Malayan Chinese Association* (MCA) satu kerusi, tiga orang ahli Majlis Perundangan yang dilantik secara langsung serta dua orang ahli LF yang dilantik oleh Gabenor, menjadikan jumlah keseluruhannya adalah 17 kerusi, sekali gus memperlihatkan LF mendapat majoriti untuk membentuk kerajaan baharu di Singapura (CO 1030/81). Seterusnya, kejayaan ini diikuti dengan perlantikan Presiden LF, David Marshall sebagai Ketua Menteri pertama negara itu (FCO 141/14444).

Menjelang Pilihan Raya Umum Singapura 1959 (PRUS 1959) memperlihatkan berlakunya perubahan terhadap politik negara ini kerana British menggubal Perlembagaan Singapura dan bersetuju untuk membentuk *self-government* yang terdiri dari rakyat tempatan sepenuhnya. Melalui penggubalan perlembagaan ini, ketua eksekutif Singapura akan dikenali sebagai Perdana Menteri dan bertanggungjawab merangka sepenuhnya dasar di negara tersebut (FCO 141/15096). Keputusan PRUS 1959 memperlihatkan perubahan transisi kerajaan dari LF kepada *Peoples Action Party* (PAP). Pada pilihan raya ini, PAP berjaya memenangi 43 dari 51 kerusi yang dipertandingkan, sekali gus menjadi parti pertama yang berjaya membentuk kerajaan secara '*single party*' tanpa memerlukan gabungan dengan parti lain di Singapura (FCO 141/17160). Kemenangan ini menjadi signifikasi terhadap penguasaan politik oleh PAP di negara tersebut, terutamanya selepas Lee Kuan Yew mendapat sokongan penuh untuk dilantik sebagai Perdana Menteri pertama negara itu.

Justeru itu, petadbiran Lee Kuan Yew pada peringkat awal memperlihatkan tindakan beliau untuk membentuk Singapura bebas dari politik perkauman (FCO 141/17160). Namun begitu, tindakan politik yang dilakukan oleh beliau bukan untuk Singapura semata-mata, tetapi turut merangkumi tindakan mengukuhkan kedudukan politik PAP di negara ini. Antara tindakan tersebut adalah memperkenalkan

sebuah undang-undang khas yang memberi kesan terhadap politik Melayu di Singapura iaitu Akta Pengambilan Tanah (*Land Acquisition Act 1966/LAA 1966*) (CO 1030/227). Walaupun ramai melihat tindakan ini dilakukan bagi tujuan pembangunan negara ini, namun LAA 1966 dikuatkuasakan bagi memecahkan kedudukan politik Melayu. Perkara ini dapat dilihat melalui tindakan yang dilakukan oleh kerajaan iaitu *Ethnic Intergation Policy* yang menetapkan setiap perumahan yang dibina oleh kerajaan mempunyai kuota khas mengikut kaum tertentu. Sehubungan itu, LAA 1966 yang dikuatkuasakan ini merupakan tindakan politik yang dilakukan oleh Lee Kuan Yew bagi mengukuhkan kedudukan PAP dan memberi kesan secara langsung terhadap politik masyarakat Melayu khususnya.

KAJIAN LITERATUR

Sungguhpun banyak kajian yang dilakukan oleh sarjana terdahulu tentang LAA 1966, namun kajian yang dilakukan hanya melibatkan perbincangan secara umum. Antaranya adalah kajian oleh Li-ann Thio (2025) yang membincangkan mengenai tafsiran undang-undang terhadap pelaksanaan sistem demokrasi di Singapura. Walaupun kajian ini ada membincangkan mengenai LAA 1966 yang dikuatkuasakan oleh kerajaan, namun konteks perbincangan hanya dilakukan secara umum tanpa melihat kesan pelaksanaan akta ini terhadap komuniti masyarakat di negara itu, terutamanya perkara yang membabitkan masyarakat minoriti di negara ini, khususnya bangsa Melayu.

Selain itu, kajian oleh C. Tremewan (2016) pula membincangkan tindakan kerajaan dalam usaha menyusun semula tahap sosioekonomi masyarakat di Singapura. Walaupun kajian ini membincangkan kerajaan berjaya menyusun semula petempatan masyarakat berdasarkan pengambilan tanah yang dilakukan melalui

LAA 1966, namun kajian ini tidak memperincikan kesan pelaksanaan akta ini terhadap masyarakat Melayu sama ada dalam konteks politik mahupun sosioekonomi di negara itu. Begitu juga dengan dapatan kajian oleh Anne Haila (2015) turut membincangkan mengenai LAA 1966 melalui tindakan pembangunan semula petempatan yang dilaksanakan oleh kerajaan secara umum. Oleh itu kajian ini tidak membincangkan mengenai pelaksanaan LAA 1966 terhadap pembangunan semula petempatan dan kesannya terhadap masyarakat Melayu di negara ini.

Dapatan kajian oleh Connie Carter (2021) pula membincangkan penguatkuasaan undang-undang terhadap pembangunan ekonomi Singapura. Antara undang-undang yang dibincangkan dalam kajian tersebut adalah pelaksanaan LAA 1966 oleh kerajaan bagi memastikan zon industri, perniagaan dan petempatan masyarakat disusun semula di negara tersebut. Walaupun begitu, dapatan kajian ini tidak menyatakan kesan daripada tindakan kerajaan terhadap masyarakat di negara ini setelah LAA 1966 dikuatkuasakan. Kajian oleh Chan Heng Chee dan Sharon Siddique (2019) membincangkan pembentukan perpaduan masyarakat di Singapura melalui adalah melalui pembangunan semula petempatan masyarakat di negara ini. Kerajaan berjaya menyediakan kediaman baharu yang lebih tersusun dan moden untuk masyarakat melalui pembinaan perumahan baharu yang dikendalikan sebuah syarikat oleh *Housing and Development Board* (HDB). Walaupun kajian ini menyatakan HDB berjaya menyelesaikan permasalahan petempatan masyarakat di negara ini, namun begitu, kajian ini tidak memperincikan implikasi pembinaan HDB ini terhadap masyarakat minoriti di negara ini, terutamanya terhadap masyarakat Melayu sehingga perkara ini diperbesarkan oleh segelintir ahli politik pembangkang seperti Jeyaretnam dari Parti Buruh yang menyatakan kerajaan sengaja

menyusun semula petempatan untuk membolehkan PAP mendominasi politik negara ini.

Dapatan kajian oleh Hussin Mutalib (2012) dan Rizwana Abdul Azeez (2016) membincangkan mengenai kelangsungan politik masyarakat Melayu dan Islam di Singapura berdasarkan kepada dasar dan tindakan yang dilakukan oleh kerajaan PAP di negara ini. Kedua-dua kajian ini menyatakan masyarakat Melayu di negara ini berjaya menyesuaikan diri dengan tindakan dari kerajaan yang mengutamakan masyarakat Cina dalam beberapa aspek seperti pendidikan, biasiswa dan perkhidmatan awam. Walaupun begitu, kajian ini tidak membincangkan dengan lebih terperinci kesan yang berlaku terhadap masyarakat Melayu di negara tersebut, terutamanya selepas kerajaan mengambil tanah melalui LAA 1966 yang mengakibatkan perkampungan masyarakat Melayu yang berusia ratusan tahun 'hilang' dari peta Singapura.

Berdasarkan kepada kajian oleh sarjana terdahulu mengenai pelaksanaan undang-undang dan pembangunan sosioekonomi Singapura, rata-rata kajian yang dilakukan hanya membincangkan perkara ini secara umum tanpa memperincikan kesan yang berlaku terhadap masyarakat Melayu, terutamanya implikasi dari pelaksanaan LAA 1966. Sehubungan itu, kajian yang akan dilakukan ini akan memperincikan penguatkuasaan LAA 1966 dan kesannya terhadap masyarakat Melayu di Singapura dalam konteks politik negara ini.

METODOLOGI

Kajian yang dilakukan berkenaan pelaksanaan LAA 1966 dan implikasi terhadap politik masyarakat Melayu di Singapura ini dilakukan menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan analisis kandungan, iaitu proses menyusun data berbentuk teks atau media secara objektif

dan sistematik bagi membuat kesimpulan tentang persoalan kajian yang dikaji. Sumber utama yang digunakan dalam perbincangan kajian adalah sumber primer, iaitu dokumen rasmi yang belum diolah meliputi laporan dari jabatan pilihan raya Singapura iaitu *Election Department* (ELD), minit mesyuarat HDB, *hansard* Parlimen yang diperoleh daripada *Singapore National Archive*. Selain itu, kajian ini turut menggunakan sumber dari *National Archive*, Kew seperti *Colonial Office* (CO) dan *Foreign Office* (FO) bagi mendapatkan kesinambungan dari kajian yang dilakukan. Penggunaan sumber primer tersebut penting sebagai bukti utama yang memperincikan pelaksanaan Akta Pengambilan Tanah pada peringkat awal di Singapura, iaitu semasa penjajahan British. Melalui penggunaan sumber primer tersebut, data yang diperoleh adalah secara langsung dari individu yang terlibat. Misalnya fail FCO 141/16510: *Singapore: Informal Meeting with Unofficial Members of the Legislative Council at Government House, 25 April 1919* mengandungi data yang melibatkan laporan minit mesyuarat pentadbiran British di Singapura bersama Gabenor berkenaan dengan dasar dan tindakan yang dilakukan oleh kerajaan. Laporan ini seterusnya diolah dan disesuaikan semula berdasarkan data yang diperoleh dari laporan HDB dan ELD. Di samping itu, kajian ini turut menggunakan akhbar Singapura yang diperoleh dari *Singapore National Archive* seperti Berita Harian dan *The Straits Times* bagi mendapatkan gambaran sebenar situasi politik yang berlaku pada 1960-an-1980-an.

PERKEMBANGAN DAN FUNGSI AKTA PENGAMBILAN TANAH DI SINGAPURA

Pentadbiran British di Singapura memperlihatkan beberapa perubahan yang dilakukan oleh penjajah tersebut. Perubahan yang dilakukan ini mempunyai kepentingan ekonomi untuk mereka dan berperanan melicinkan pentadbiran British di negara

tersebut. Antara perubahan yang dilakukan oleh British adalah pengenalan terhadap undang-undang dari UK di Singapura. Sejak pentadbiran Negeri-Negeri Selat diperkenalkan pada 1896, pentadbiran British menggunakan undang-undang UK dalam pentadbirannya. Oleh itu berlaku kontradiksi antara masyarakat dan kerajaan kerana sistem undang-undang tersebut tidak sesuai dengan keadaan masyarakat di Singapura (FCO 141/15096). Sistem perundangan tersebut turut merangkumi Ordinan Pengambilan Tanah yang diperkenalkan pada 1920. Sebelum ordinan ini diperkenalkan di Singapura, pentadbiran British merujuk kepada Ordinan Pengambilan Tanah yang dilaksanakan oleh mereka di India pada 1894. Justeru itu, amalan penguatkuasaan undang-undang pengambilan tanah di Singapura mempunyai persamaan dengan perundangan pengambilan tanah di India (Hansard, Vol.122, 15 December 1919).

Dalam mesyuarat Majlis Perundangan Singapura pada November 1919, Setiausaha Negeri-Negeri Selat, Frederick James menyatakan cadangan pengenalan Ordinan Pengambilan Tanah di Singapura supaya tanah di negara ini tidak digunakan sewenang-wenangnya tanpa rundingan dari British, termasuk penjualan kepada masyarakat tempatan. Selain itu, beliau turut menyatakan melalui cadangan perundangan ini, tanah di Singapura boleh ditebus semula oleh kerajaan untuk kegunaan industri dan ekonomi (FCO 141/16510). Sebelum undang-undang ini dilaksanakan, pentadbir British di Singapura bimbang dengan keadaan tanah di Singapura yang semakin terhad. Di samping itu, penjualan hak milik tanah juga tidak terkawal mengakibatkan perkara ini berlaku. Justeru itu, Frederick James mencadangkan kepada kerajaan agar melaksanakan undang-undang tanah yang ketat di Singapura (FCO 141/16510). Oleh demikian, Gabenor Negeri-Negeri Selat, Laurence Guillemard meluluskan Ordinan Pengambilan Tanah pada 1920 yang bertujuan mengawal rizab

tanah milik kerajaan supaya boleh ditebus guna semula untuk tujuan pembangunan sosioekonomi masyarakat dan negara (FCO 141/16510).

JADUAL 1. Keluasan Tanah Rizab Kerajaan di Singapura, 1890-1930

Tahun	Keluasan Tanah (ekar)
1890	33,943
1895	30,751
1900	27,360
1905	25,695
1910	21,270
1915	19,163
1920	22,420
1925	25,963
1930	29,254

Sumber: Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Straits Settlements, 1891-1931. London: H. M. Stationery Office

Melalui perlaksanaan Ordinan Pengambilan Tanah ini, pentadbiran British di Singapura berjaya menebus semula tanah di negara ini. Jadual 1 membincangkan keluasan rizab yang dimiliki oleh kerajaan British di Singapura dalam tempoh 1890-1930. Berdasarkan kepada jadual tersebut, jumlah keluasan tanah rizab milik kerajaan merosot dengan ketara dalam tempoh 1890-1920. Jumlah susut paling ketara adalah pada 1915, iaitu memperlihatkan jumlah keluasan tanah rizab milik kerajaan hanya 19,163 ekar berbanding 33,943 ekar pada 1890. Kemerosotan ini berlaku disebabkan oleh pembangunan yang dilakukan oleh kerajaan. Misalnya pada 1900-1913, jumlah tanah yang digunakan oleh kerajaan adalah 9,264 ekar bagi pembinaan rumah kedai dan kemudahan jalan raya untuk tujuan ekonomi (Annual Reports, 1914). Namun begitu, tempoh 1920-1925 memperlihatkan keluasan tanah rizab milik kerajaan meningkat semula iaitu dari 19,163 ekar pada 1915 kepada 22,420 ekar pada 1920 dan 25,963 pada 1925. Sehubungan itu, peningkatan keluasan tanah rizab kerajaan ini menunjukkan British berjaya mengawal penggunaan tanah di Singapura melalui

perlaksanaan Ordinan Pengambilan Tanah yang diperkenalkan pada 1920.

Seterusnya, perkembangan politik di Singapura memperlihatkan negara ini merdeka sepenuhnya dari British berdasarkan kepada penyertaan negara ini dalam Persekutuan Malaysia pada 1963. Walaupun begitu, Singapura berpisah dari Persekutuan Malaysia pada 1965 dan perkara ini menyebabkan negara itu ditadbir sepenuhnya oleh kerajaan PAP melalui pimpinan Perdana Menteri, Lee Kuan Yew. Pertadbiran kerajaan pimpinan Lee Kuan Yew memperlihatkan kerajaan melakukan proses semakan semula terhadap perlembagaan negara ini. Lee Kuan Yew menyatakan perlembagaan negara perlu digubal semula mengikut acuan rakyat dan negara ini (*The Straits Times*, 19 September 1965). Antara undang-undang yang disemak semula adalah Ordinan Pengambilan Tanah 1920. Semakan semula terhadap ordinan ini dilakukan supaya rang undang-undang yang diperkenalkan dapat dilaksanakan secara menyeluruh bagi negara ini. Cadangan pindaan Ordinan Pengambilan Tanah 1920 ini dibentangkan di Parlimen pada 22 Jun 1966 oleh Menteri Undang-Undang, Edmund Barker. Semasa bacaan kali pertama di Parlimen, beliau menyatakan rang undang-undang Akta Pengambilan Tanah (*Land Acquisition Act 1966/LAA 1966*) bertujuan menguatkuasakan tanah rizab dengan lebih menyeluruh untuk negara (Hansard, Vol. 25, 1966). Selain itu, beliau turut menyatakan LAA 1966 dilaksanakan bukan untuk tujuan politik, sebaliknya adalah bagi melindungi tanah di Singapura, terutamanya untuk tujuan industri negara ini pada masa akan datang (Hansard, Vol. 25, 1966).

Walaupun LAA 1966 ini digazetkan untuk tujuan industri dan ekonomi oleh kerajaan, namun pemimpin dari parti pembangkang melihat perkara ini sebaliknya iaitu untuk tujuan politik kerajaan dan pengukuhan kedudukan PAP. Ketua Pembangkang, Chia Thye Poh dari

Barisan Sosialis menyatakan undang-undang ini dilaksanakan bertujuan mengukuhkan kedudukan politik PAP semata-mata, bukan untuk tujuan ekonomi rakyat (*The Straits Times*, 29 Jun 1966). Oleh itu semasa pengundian, 37 ahli Parlimen bersetuju undang-undang ini diluluskan, manakala ahli Parlimen dari pembangkang, terutamanya dari Barisan Sosialis yang berjumlah 13 orang, sebulat suara membantah undang-undang ini dikuatkuasakan (*The Straits Times*, 30 Oktober 1966).

Perkara ini secara tidak langsung memperlihatkan penentangan LAA 1966 dalam kalangan ahli politik negara ini. Walaupun begitu, Perdana Menteri Lee Kuan Yew menyatakan akta ini berkuatkuasa untuk kerajaan menguruskan tanah di negara ini kerana pihak kerajaan mendapati terdapat segelintir pemilik tanah menjual tanah yang dimiliki untuk keuntungan sendiri. Justeru itu, beliau menyatakan melalui pelaksanaan akta ini, tindakan mendapatkan keuntungan melalui penjualan tanah ini dapat dielakkan, sekaligus membantu kerajaan meningkatkan taraf kehidupan masyarakat di negara ini (*The Straits Times*, 30 Oktober 1966).

TINDAKAN KERAJAAN DAN PENGUATKUASAAN AKTA PENGAMBILAN TANAH, 1966-1990

Penguatkuasaan LAA 1966 yang bermula 17 Jun 1967 memperlihatkan tindakan kerajaan terhadap akta tersebut di Singapura melalui beberapa aspek seperti menebus semula tanah wakaf dan tanah penduduk untuk pembangunan ekonomi serta menyusun semula petempatan baharu. Dari perspektif perundangan, akta tersebut menetapkan peruntukan utama yang menjadikan kerajaan sebagai pihak berkuasa mutlak terhadap pengambilan tanah. Antara peruntukan penting adalah kuasa kerajaan untuk mewartakan mana-mana kawasan sebagai kawasan pengambilan tanah. Setelah sesuatu

kawasan diisytiharkan dalam Warta Kerajaan, pemilik tanah secara automatik kehilangan hak kawalan penuh terhadap hartanah mereka. Pemilik akan menerima Notis Pemerolehan (*Notice of Acquisition*) dan selepas tempoh tertentu, tanah tersebut menjadi hak milik kerajaan tanpa sebarang ruang untuk bantahan.

Dari sudut pelaksanaan, proses pengambilan tanah melalui akta tersebut terbahagi kepada empat peringkat. Pertama, kerajaan mengisytiharkan kawasan tertentu melalui Warta Kerajaan. Kedua, notis rasmi diserahkan kepada pemilik tanah untuk memaklumkan proses pengambilan. Ketiga, penilaian pampasan dilakukan oleh *Chief Valuer* dengan mengambil kira harga rasmi kerajaan. Keempat, pemilik menerima pampasan sama ada dalam bentuk wang tunai atau unit perumahan *House Development Board* HDB. Setelah kesemua perkara tersebut diselesaikan, kerajaan secara rasmi mengambil alih pemilikan tanah dan menggunakannya untuk tujuan pembangunan seperti pembinaan perumahan awam, jalan raya, atau infrastruktur lain.

Peruntukan dan proses tersebut memberi kesan terhadap pembangunan fizikal Singapura. Kerajaan dapat mempercepatkan projek perumahan awam dan transformasi bandar tanpa halangan perundangan yang besar. Namun, dari sudut masyarakat Melayu, akta tersebut membawa implikasi yang besar. Banyak perkampungan Melayu tradisional di kawasan pinggir bandar dan pusat bandar terhapus, penduduknya dipindahkan ke perumahan HDB dan pola penempatan mereka berubah. Perubahan geografi tersebut seterusnya memberi kesan langsung kepada pola politik dan perwakilan masyarakat Melayu dalam konteks politik Singapura pasca 1966.

Justeru, pemimpin pembangkang menyatakan tindakan yang dilakukan oleh kerajaan itu bukan hanya untuk kesejahteraan rakyat semata-mata, tetapi

turut melibatkan tujuan politik. Mengulas mengenai perkara ini, pemimpin parti pembangkang, terutamanya dari parti Melayu seperti Ahmad Haji Taff dari Parti Kebangsaan Melayu Singapura (PKMS) menyatakan Lee Kuan Yew sengaja menyusun semula kedudukan rakyat di Singapura bagi memecahkan undi dan dominasi masyarakat Melayu di negara tersebut. Namun begitu, Lee Kuan Yew menafikan perkara ini dan menyatakan tindakan yang dilakukan oleh kerajaan terhadap pelaksanaan LAA 1966 adalah bagi menyediakan petempatan yang selesa dan lengkap untuk rakyat Singapura (Hansard, Vol 26, 21 December 1967).

Antara tindakan utama yang dilakukan oleh Lee Kuan Yew melalui LAA 1966 adalah menebus semula tanah wakaf dan tanah yang dimiliki secara kekal oleh pegawai British semasa mereka mentadbir negara ini. Pada 1960-an, tanah di Singapura kebanyakan dimiliki oleh pelabur tempatan dan luar secara persendirian serta dimiliki oleh syarikat asing, terutamanya dari British. Sehingga 1964, keluasan tanah yang dimiliki oleh syarikat British di Singapura berjumlah 478 ekar, manakala tanah yang dimiliki oleh warga asing adalah 381 ekar. (Singapore Land Report, 1966). Lee Kuan Yew berpandangan pemilikan tanah oleh warga asing dan syarikat luar akan merumitkan usaha kerajaan untuk membangunkan semula ekonomi negara ini (*The Straits Times*, 27 Mei 1967). Justeru itu, Menteri Pembangunan Negara, Lim Kin San dan Menteri Undang-Undang, Edmund Barker bekerjasama bagi mengambil semula tanah yang dimiliki secara wakaf dan persendirian oleh warga asing bagi tujuan pembangunan semula (Singapore Land Report, 1969). Perkara ini dibentangkan di Parlimen Singapura pada 19 December 1968. Menteri Menteri Pembangunan Negara, Lim Kin San menyatakan kerajaan perlu mengambil alih semula tanah di Singapura untuk tujuan pembangunan semula ekonomi. Tindakan tersebut dilakukan mengikut undang-undang yang diperuntukan iaitu melalui LAA 1966.

Usul tersebut diluluskan secara sebulat suara di Parlimen pada 31 November 1969 (Hansard, Vol. 28, 19 December 1968).

Ekoran dari kelulusan dasar itu, kerajaan mula melakukan proses pengambilalihan tanah di Singapura bermula dengan tanah wakaf. Tindakan ini dilakukan melalui penguatkuasaan LAA 1966. Tindakan tersebut tidak bercanggah dengan Islam kerana pengambilan tanah demi kepentingan awam dibenarkan syarak. Dalam konteks perundangan Singapura, pampasan tersebut diserahkan kepada Majlis Agama Islam Singapura (MUIS) sebagai pemegang amanah tanah waqaf. Perkara tersebut dapat dilihat berdasarkan kepada kes yang berlaku pada 2019 iaitu melibatkan pertikaian tanah yang diwakafkan oleh Haji Kassim di Siglap. Ahli keluarga Haji Kassim, Fauziah Mohd Ahbidin menuntut dua per tiga dari tanah itu. Walaupun begitu, tanah itu diletakkan dibawah MUIS sejak 1960-an dan akhirnya diambil alih kerajaan pada 1989. Mahkamah Tinggi pada 2019 menolak tuntutan Fauziah dan menegaskan bahawa Haji Kassim seorang bermazhab Shafi'i dan menurut hukum Shafi'i, wakaf keseluruhan harta adalah sah. Oleh itu, keluarga tidak lagi mempunyai hak ke atas tanah tersebut (High Court Suit No 152 of 2019). Kes tersebut menunjukkan mengenai undang-undang Islam mengenai wakaf digabungkan dalam sistem perundangan Singapura, serta mengesahkan kuasa kerajaan dan institusi agama dalam mengurus serta mengambil alih tanah wakaf bagi tujuan pembangunan.

Pengambilalihan tanah wakaf oleh kerajaan Singapura menimbulkan kontroversi pada peringkat awal. Namun begitu, kerajaan menyatakan matlamat asal tanah wakaf tersebut digunakan untuk pembangunan ekonomi masyarakat, namun disalahgunakan sebagai tempat kediaman oleh masyarakat Melayu dan Islam (*The Straits Times*, 16 Januari 1969). Menteri Pembangunan Negara, Lim Kin San menyatakan penyalahgunaan tanah wakaf

tersebut dapat dilihat berlaku di beberapa kawasan yang kemudiannya berkembang menjadi kampung oleh masyarakat Melayu di Singapura seperti Kampung Ladang, Kampung Pinang dan Kampung Sungai Blukar di Tanglin (*The Straits Times*, 16 Januari 1969). Sebahagian tanah di kawasan itu merupakan tanah wakaf milik Keluarga al-Sagoff dan diwakafkan untuk tujuan pembangunan ekonomi negara. Namun begitu, tanah wakaf ini disalahgunakan sebagai petempatan masyarakat. Justeru itu, kerajaan bertindak untuk mengambil semula tanah itu atas nama pembangunan semula petempatan baharu di negara ini (Hansard, Vol 28, 19 December 1968).

Selain pengambilan tanah wakaf, kerajaan Singapura turut memulakan langkah dengan mengambil semula tanah yang menjadi petempatan masyarakat Melayu di Singapura atas alasan penyusunan semula petempatan masyarakat di negara ini. Perdana Menteri, Lee Kuan Yew menyatakan petempatan masyarakat di negara ini perlu disusun semula supaya mempunyai kehidupan yang selesa dan moden. Selain itu, beliau turut menyatakan petempatan sedia ada tersebut tidak mempunyai kemudahan yang lengkap, terutamanya sekolah dan aspek kebersihan yang tidak sistematik. Oleh itu pada 1969-1971, kerajaan menggunakan LAA 1966 untuk mengambil semula tanah di Queensntown, Aljunied, Jalan Besar dan Tanglin bagi menyusun semula petempatan masyarakat dan zon perniagaan di kawasan tersebut (URA Annual Report, 1975).

Pengambilan tanah di kawasan ini menjadi kontroversi di Singapura kerana melibatkan petempatan masyarakat, terutamanya dalam kalangan bangsa Melayu di negara ini. Perkara tersebut dijadikan sebagai modal politik bukan sahaja dalam kalangan ahli politik di Singapura, malah turut dijadikan isu oleh ahli politik dari Semenanjung Malaysia seperti pemimpin UMNO di Johor. Pengerusi UMNO Johor, Othman Saat menyatakan kerajaan

Singapura dibawah PAP tidak melindungi kedudukan masyarakat Melayu di negara tersebut dan tidak bertindak adil kepada mereka (Utusan Melayu, 28 Mac 1970). Turut senada dengan UMNO Johor, Selamat Shamsuri iaitu Naib Presiden Persatuan Kebangsaan Melayu Singapura (PKMS), sebuah parti pembangkang di Singapura. Beliau menyatakan kerajaan hanya mengutamakan masyarakat Cina, oleh itu kedudukan masyarakat Melayu di negara ini terpinggir berbanding kaum lain (Berita Harian, 29 Mei 1970). Walaupun begitu, Perdana Menteri, Lee Kuan Yew menafikan pengambilan tanah ini adalah bentuk penindasan yang dilakukan oleh kerajaan. Beliau menyatakan tanah-tanah ini diambil dengan bayaran pampasan dan tujuan pengambilan tanah itu adalah untuk pembangunan semula negara ini (Berita Harian, 29 Mei 1970).

Sehingga 1986, tanah seluas 27,629 ekar berjaya diambil alih semula oleh kerajaan Singapura melalui LAA 1966 atas alasan pembangunan semula. Tanah ini bukan sahaja yang dimiliki oleh warga dan syarikat asing, tetapi turut melibatkan tanah yang dimiliki oleh rakyat tempatan (URA Annual Report, 1988). Justeru itu, LAA 1966 ini berjaya menjadikan kerajaan Singapura sebagai pemilik tanah terbesar di negara ini dengan jumlah keluasan rizab negara iaitu 43,779 ekar iaitu meliputi 77.4 peratus tanah di Singapura (URA Annual Report, 1988). Jumlah keluasan ini bertambah setelah akta ini dikuatkuasakan. Kerajaan Singapura berjaya menggunakan akta ini bagi menebus semula tanah yang ada di negara ini atas nama pembangunan semula tanah di kawasan yang diambil alih itu. Melalui LAA 1966, pampasan yang diberikan kepada pemilik tanah adalah terhad dan dikawal sepenuhnya oleh kerajaan. Nilai pampasan turut ditentukan berdasarkan harga pasaran terbuka dan bergantung kepada penilaian rasmi oleh *Chief Valuer* yang dilantik kerajaan. Selain bayaran tunai, kerajaan turut menawarkan rumah kos rendah HDB sebagai bentuk

penggantian kediaman. Walaupun langkah tersebut memastikan penduduk mempunyai tempat tinggal baharu, namun perkara tersebut mengubah cara hidup mereka secara drastik iaitu daripada kehidupan berasaskan kampung dengan jaringan komuniti tradisi, kepada kehidupan berasaskan bandar.

Jadual 2 membincangkan peningkatan keluasan tanah rizab yang dimiliki oleh kerajaan Singapura pada 1965-1990. Pada 1965, sebelum akta ini dikuatkuasakan, jumlah keluasan rizab tanah milik kerajaan di Singapura hanya berjumlah 22,478 ekar sahaja. Walaupun begitu, jumlah ini meningkat secara beransur-ansur. Misalnya pada 1970, jumlah keluasan tanah rizab yang dimiliki kerajaan adalah 29,815 ekar. Jumlah ini seterusnya meningkat kepada 33,571 ekar pada 1975 dan 37,193 ekar pada 1980. Jumlah keluasan pada 1985 mencapai kemuncak iaitu berjumlah 43,779 ekar tanah rizab yang dimiliki oleh kerajaan. Walaupun begitu, jumlah keluasan rizab tanah yang dimiliki oleh kerajaan Singapura pada 1990 merosot kepada 38,852 ekar kerana banyak pembangunan yang dilakukan oleh kerajaan seperti pembinaan Pusat Perindustrian Jurong dan juga petempatan baharu masyarakat di negara ini.

JADUAL 2. Jumlah Keluasan Tanah Rizab Kerajaan Singapura, 1965-1990

Tahun	Jumlah Keluasan (Ekar)
1965	22,478
1970	29,815
1975	33,571
1980	37,193
1985	43,779
1990	38,852

Sumber: Singapore Land Authority Annual Report, 1960-1990.

Berdasarkan jumlah keluasan tanah yang diperoleh semula melalui LAA 1966 ini, kerajaan Singapura mengemukakan rancangan membina semula petempatan masyarakat di negara ini. Menurut Perdana Menteri, Lee Kuan Yew, petempatan semula masyarakat dilakukan

berdasarkan kepada Dasar Penempatan Negara yang memastikan taraf sosial rakyat iaitu pendidikan, kesihatan dan ekonomi terjamin (*The Straits Times*, 19 Julai 1973). Ekoran dari dasar ini, kerajaan Singapura menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi penyusunan semula petempatan masyarakat melalui *Housing and Development Board* (HDB). HDB adalah sebuah badan khas yang ditubuhkan oleh kerajaan Singapura pada 1960 bagi menyediakan petempatan baharu kepada masyarakat di negara tersebut. Melalui HDB, kerajaan merancang untuk membina sebanyak 2,000,000 buah perumahan baharu di Singapura menjelang 2000.

JADUAL 3. Jumlah Pembinaan Rumah oleh HDB, 1960-1990

Tahun	Jumlah
1960	34,109
1965	79,781
1970	101,426
1975	157,921
1980	334,444
1985	749,281
1990	1,341,619

Sumber: Urban Redevelopment Authority Annual Report, 1960-1990

Rancangan kerajaan Singapura melalui projek penyediaan perumahan di negara tersebut dikendalikan sepenuhnya oleh HDB bermula dengan 1960. Pada tahun tersebut, sebanyak 34,109 buah perumahan yang berjaya dibina oleh HDB di Jalan Stirling. Sehingga 1990, sebanyak 1,341,619 buah rumah berjaya dibina oleh kerajaan melalui HDB. Jadual 3 membincangkan jumlah rumah yang dibina oleh HDB pada 1960 hingga 1990. Pada 1960, iaitu pada tahun pertama HDB ditubuhkan, sebanyak 34,109 buah rumah berjaya dibina di Singapura. Tempoh ini merupakan percubaan yang dilakukan kerajaan Singapura berdasarkan kepada tindakan menyusun semula petempatan di negara itu. Ekoran pembinaan rumah oleh HDB ini memperlihatkan kejayaan kerajaan menyusun semula petempatan masyarakat di negara ini, kerajaan meningkatkan jumlah

pembinaan rumah baharu ini pada tahun berikutnya. Oleh itu jumlah pembinaan rumah oleh HDB ini semakin meningkat iaitu 79,781 buah dibina pada 1965 dan meningkat kepada 101,426 buah pada 1970. Setelah LAA 1966 dikuatkuasakan di Singapura, kerajaan berjaya meningkatkan pembinaan rumah dengan ketara. Oleh demikian, sebanyak 157,921 buah rumah berjaya dibina oleh HDB pada 1975. Jumlah ini terus meningkat pada 1980 iaitu 334,444 buah rumah dibina. Pada 1985, jumlah ini meningkat kepada 749,281 buah dan 1,341,619 buah rumah berjaya dibina oleh HDB pada 1990.

Jumlah ini membuktikan kerajaan berjaya menyediakan perumahan kepada masyarakat di negara ini. Rajah 1 menunjukkan contoh rumah yang dibina oleh HDB di Singapura. Berdasarkan kepada rajah tersebut, unit rumah yang dibina oleh HDB ini adalah jenis pangsapuri dan mempunyai dua kategori iaitu kediaman dua bilik dan kediaman tiga bilik. Pembinaan rumah oleh HDB ini menunjukkan petempatan baharu yang disediakan oleh kerajaan ini lebih tersusun berbanding kawasan kampung secara tradisional. Di samping itu, pembinaan rumah oleh HDB ini juga dapat menjimatkan penggunaan ruang tanah di negara ini (Hansard, Vol. 28, 19 December 1968). Tindakan ini dilakukan setelah LAA 1966 dikuatkuasakan. Perkara tersebut sekali gus membuktikan fungsi LAA 1966 yang dipraktikkan oleh kerajaan.

RAJAH 1. Contoh Rumah yang dibina oleh HDB di Singapura



Sumber: HDB Annual Report, 1981

Selain itu, pembinaan perumahan HDB ini turut memperlihatkan matlamat kerajaan untuk menyusun semula petempatan masyarakat di negara ini melalui polisi khas yang digariskan oleh kerajaan iaitu *Ethnic Intergration Policy* (EIP). Setelah LAA 1966 dikuatkuasakan, sebahagian besar tanah persendirian, termasuk kawasan kampung tradisional Melayu, diambil alih oleh kerajaan dan digantikan dengan perumahan HDB. Namun begitu, penempatan semula melalui HDB turut melibatkan syarat yang mempengaruhi struktur sosial penduduk iaitu dasar EIP. Dasar EIP menetapkan had kuota etnik dalam setiap blok HDB bagi memastikan tiada kelompok etnik mendominasi sesuatu kawasan perumahan. Secara rasional, dasar tersebut dilaksanakan untuk menggalakkan integrasi sosial dan membina identiti kebangsaan bersama dalam sebuah negara majmuk.

Dasar EIP mula dirangka pada awal 1970-an oleh kerajaan, namun mula dikuatkuasakan dan diisytiharkan secara rasmi pada 1989. Pada 1970-an, Perdana Menteri, Lee Kuan Yew menyatakan petempatan masyarakat di Singapura masih 'ditakluk' stigma lama iaitu petempatan


berasaskan kepada kaum (Berita Harian, 28 Mac 1988). Perkara ini secara tidak langsung memberi kesan terhadap rancangan kerajaan untuk membentuk perpaduan di Singapura. Oleh itu kerajaan memperkenalkan *Ethnic Intergration Policy* agar petempatan berasaskan kepada kaum di negara tersebut dapat dihapuskan. Pembinaan perumahan melalui HDB sebelum ini hanya berjaya mencapai objektif menyusun semula petempatan masyarakat di negara itu. Namun dari segi ukuran pembentukan perpaduan dalam kalangan masyarakat di negara ini, matlamat itu gagal dicapai kerana masyarakat di Singapura masih menjadikan kediaman oleh HDB ini mengikut kaum tertentu (Connie Carter, 2021). Perkara ini menyebabkan setiap perumahan itu diduduki mengikut kelompok kaum, sekaligus menjadikan kaum tertentu mendominasi kawasan tersebut.

Rajah 2 menunjukkan kawasan perumahan HDB yang dibeli mengikut kaum di Singapura. Berdasarkan kepada rajah tersebut, masyarakat Melayu di Singapura menjadikan bahagian Bedok, Tampines, Ayer Rajah dan dan Teban Gardens. Masyarakat Cina pula menjadikan bahagian Ang Mo Kio, Hougang dan Telok Ayer, sebagai kawasan petempatan. Masyarakat

India pula menjadikan kawasan Serangoon dan Sembawang. Situasi ini secara tidak langsung menunjukkan masyarakat di negara tersebut masih memilih kediaman berdasarkan kepada kaum walaupun kerajaan

melakukan proses penyusunan semula melalui HDB.

RAJAH 2. Petempatan Mengikut Kaum pada Blok HDB, Singapura, 1980-1989



Sumber: Minutes of Meeting HDB, HDB Annual Report 1981.

Justeru itu, kerajaan mula melaksanakan *Ethnic Intergration Policy* bagi memecahkan petempatan berasaskan kaum di negara tersebut. Melalui dasar etnik ini, kerajaan menetapkan setiap petempatan atau blok pangsapuri yang dibina oleh HDB mempunyai 67 peratus masyarakat Cina, 22 peratus masyarakat Melayu, dan 10 peratus India dan lain-lain tidak melebihi satu peratus (Hansard, Vol. 54, 4 August 1989). Melalui syarat ini, setiap perumahan yang dibina oleh HDB ini akan dihuni oleh setiap kaum yang ada di negara ini dan tidak didominasi oleh kaum tertentu. Walaupun begitu, dasar kerajaan ini ditentang oleh ahli politik dan persatuan badan bukan kerajaan (NGO). Mereka menyatakan perkara ini dilakukan bagi memecahkan kedudukan masyarakat Melayu di negara ini. Antara pihak yang paling lantang menentang tindakan ini adalah Persatuan Perniagaan Melayu Singapura (*Singapore Malay Chamber of Commerce/SMCC*) dan Majlis Pusat Singapura (MPS). Pengerusi MPS, Haji Suratman menyatakan tindakan yang

dilakukan oleh kerajaan ini menentang hak kebebasan masyarakat untuk memilih kawasan kediaman sendiri. Manakala Pengerusi SMCC, Abdul Jalil Haron menyatakan kerajaan berusaha untuk mengelakkan dominasi masyarakat Melayu di sesetengah tempat di negara ini (Berita Harian, 19 Mei 1989). Walaupun begitu, perkara ini dinafikan oleh Perdana Menteri, Lee Kuan Yew. Beliau menyatakan polisi ini membentuk perpaduan dalam kalangan masyarakat di negara ini. (*The Straits Times*, 17 Jun 1989).

Secara asasnya, kerajaan berjaya menyusun semula petempatan masyarakat di Singapura melalui LAA 1966. Penguatkuasaan akta ini membolehkan kerajaan Singapura mendapatkan semula tanah di negara ini. Perkara ini sekali gus membolehkan perumahan baharu dibina oleh HDB. Walaupun begitu, tindakan ini memperlihatkan berlakunya kesan negatif terhadap masyarakat Melayu, terutamanya setelah tanah diambil alih oleh kerajaan. Situasi ini mengakibatkan kampung tradisi

tersebut 'lenyap' dalam peta Singapura. Oleh demikian, tindakan tersebut secara tidak langsung memberi kesan terhadap politik Melayu, lebih-lebih lagi melibatkan persempadanan dan kerusi yang menjadi faktor penting dalam konteks pilihan raya negara ini.

KESAN PENGUATKUASAAN LAA 1966 TERHADAP POLITIK MELAYU DI SINGAPURA

Perlaksanaan LAA 1966 di Singapura memperlihatkan berlaku kesan positif terhadap masyarakat negara ini, terutamanya setelah kerajaan menggunakan tanah itu bagi menyusun semula petempatan masyarakat di Singapura melalui pembinaan perumahan oleh HDB. Melalui pembinaan ini, sosioekonomi masyarakat lebih terjamin kerana petempatan yang selesa dan tersusun yang disediakan oleh kerajaan. Walaupun begitu, pembinaan perumahan HDB dan tindakan pindah milik hak tanah turut meninggalkan kesan negatif terhadap masyarakat di Singapura, terutamanya dalam kalangan masyarakat Melayu. Oleh itu, perlaksanaan tindakan ini ditentang oleh sebahagian ahli politik di negara ini, terutamanya dari pihak pembangkang. Mereka menganggap tindakan yang dilakukan oleh kerajaan pimpinan PAP bertujuan mengukuhkan kedudukan PAP terhadap politik negara ini.

Antara pihak yang paling lantang menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap perlaksanaan LAA 1966 dari kerajaan adalah Abdul Rahim dari Barisan Sosialis dan Ariff Sahul Hameed dari *Workers Party*. Mereka menyatakan tindakan yang dilakukan oleh kerajaan secara tidak langsung menghilangkan identiti masyarakat Melayu secara beransur-ansur. Manakala Amir Ali Mohamed dan Omar Ninggal dari *United National Front (UNF)* pula menganggap tindakan yang dilakukan oleh Lee Kuan Yew ini bertujuan mengukuhkan kedudukan politik PAP melalui penguasaan masyarakat di negara

tersebut (Berita Harian, 14 Ogos, 1971). Walaupun begitu, perkara tersebut dinafikan oleh Lee Kuan Yew dan pemimpin PAP yang lain. Lee Kuan Yew menyatakan perlaksanaan akta ini tidak mempunyai hubungkait dengan politik PAP, tetapi dilakukan bagi menstrukturkan semula petempatan masyarakat di Singapura bagi memajukan negara ini. Othman Wok, Ahli Jawatankuasa Pusat PAP, merangkap Menteri Hubungan Sosial Singapura pula menyatakan masyarakat Melayu di Singapura supaya mendapatkan maklumat yang tepat dan menasihatkan masyarakat Melayu supaya tidak terpengaruh dengan dakwaan pembangkang bahawa kerajaan pimpinan PAP menindas komuniti tersebut di Singapura (Berita Harian, 14 Ogos, 1971).

Walaupun bagaimanapun, kenyataan dari kerajaan ini tidak diendahkan oleh pemimpin dari parti pembangkang. Mereka menyatakan tindakan yang dilakukan oleh kerajaan melalui LAA 1966 dan penyusunan semula petempatan masyarakat ini memberi kesan terhadap masyarakat Melayu di negara ini. Antara kesan tersebut adalah kehilangan kampung tradisi masyarakat Melayu di Singapura (Berita Harian, 23 Ogos 1971). Pembangunan semula petempatan masyarakat memperlihatkan kerajaan menguatkuasakan LAA 1966, situasi ini sekali gus menyebabkan kampung tradisi masyarakat Melayu di Singapura seperti Kampung Tanjong, Kampung Reteh, Kampung Beremban, Kampung Sungai Belukar dan Kampung Sungai Tangan 'hilang' dari peta Singapura dalam tempoh 1970-an hingga 1980-an (Berita Harian, 23 Ogos 1971). Perkara ini menjadi polemik dalam kalangan pemimpin parti pembangkang, terutamanya dalam kalangan parti Melayu di Singapura, terutamanya semasa kempen pilihan raya umum.

Ekoran dari 'kehilangan' perkampungan Melayu ini, demografi politik di Singapura turut mengalami perubahan, terutamanya apabila tiada kerusi majoriti pengundi Melayu di Singapura.


Perkara ini yang menjadi faktor utama penentangan pemimpin politik parti pembangkang, terutamanya dalam kalangan parti Melayu seperti PKMS kerana kelangsungan politik mereka seolah-olah 'ditamatkan' sejak penyusunan semula petempatan masyarakat di negara tersebut. Situasi ini dapat dilihat setelah persempadanan semula kawasan pilihan raya diumumkan pada 1979. Pengumuman kerusi baharu di Singapura oleh *Elections Department Singapore* (ELD) memperlihatkan perubahan yang berlaku terhadap kerusi yang dipertandingkan di negara tersebut. Perubahan ini bukan sahaja merangkumi pertambahan jumlah kerusi yang dipertandingkan, malah turut melihat perubahan kedudukan serta garisan sempadan kerusi yang dipertanding.

Berdasarkan kepada laporan persempadanan oleh ELD pada 1979, sebanyak 75 kerusi yang dipertandingkan pada Pilihan Raya Umum Singapura 1980 (PRUS 1980). Jumlah kerusi yang dipertandingkan tersebut meningkat kepada 75 kerusi berbanding 69 kerusi pada Pilihan Raya Umum Singapura 1976 (*Report of Singapore Parliamentary Electoral Division*, 1979). Walaupun begitu, PRUS 1980 memperlihatkan tiada kerusi majoriti pengundi Melayu seperti PRUS yang lalu. Perkara ini menyebabkan pemimpin parti pembangkang mempersoalkan tindakan persempadanan semula yang dilakukan oleh ELD. Pemimpin politik dari parti pembangkang mendakwa ELD berat sebelah dan lebih cenderung terhadap PAP kerana hampir semua kerusi yang dibentuk merupakan kerusi majoriti pengundi Cina dan tiada kerusi majoriti pengundi Melayu seperti pilihan raya sebelum ini. Pengerusi PKMS, Abdul Rahman Mohamed Zin menyatakan garisan sempadan kerusi yang baharu ini memperlihatkan lebih banyak kerusi majoriti pengundi Cina yang dibentuk dan kedudukan politik Melayu semakin terancam (Berita Harian, 29 Julai 1979).

Sejak pilihan raya mula dilaksanakan secara menyeluruh di Singapura pada 1955, terdapat kerusi majoriti pengundi Melayu iaitu kerusi Kampong Kembangan, Siglap dan Southern Islands. Ketiga-tiga kerusi ini menjadi kawasan yang melibatkan persaingan parti politik Melayu di Singapura iaitu PKMS, PAP dan Kesatuan Melayu. Malah kerusi ini turut ditandingi oleh parti dari Malaysia seperti UMNO dan PAS yang bertanding dari PRUS 1955 sehingga PRUS 1968 (*Reports of Parliamentary Election, 1968*). Namun begitu, selepas persempadanan semula kawasan pilihan raya dilakukan pada 1979, kerusi ini dipecahkan sebagai kawasan baharu. Misalnya kerusi Siglap dipecahkan kepada dua bahagian iaitu Bedok dan Siglap. Kerusi Kampong Kembangan dipecahkan kepada tiga kerusi iaitu Kampong Kembangan, Kampung Ubi dan Aljunied (*Report of Singapore Parliamentary Electoral Division, 1979*).

Rajah 3 membincangkan persempadanan semula kawasan pilihan raya yang berlaku terhadap kerusi Kampong Kembang iaitu antara kerusi majoriti pengundi Melayu di Singapura. Pada PRUS 1955-1976, kerusi Kampong Kembangan ini merupakan kerusi majoriti pengundi Melayu. Demografi pengundi di kerusi ini dalam tempoh tersebut adalah 57.3 peratus pengundi Melayu, 29.6 peratus pengundi Cina dan 13.1 peratus pengundi India. Namun selepas akta LAA 1966 dikuatkuasakan dan tindakan kerajaan menetapkan *Ethnic Intergration Policy* terhadap perumahan yang dibina oleh HDB, berlaku perubahan terhadap demografi kerusi ini. Demografi pengundi ini berubah setelah persempadanan dilakukan pada 1979, seterusnya menjadikan kerusi ini sebagai kerusi campuran. Oleh itu pada PRUS 1980, demografi pengundi di Kampong Kembangan memperlihatkan 43.9 peratus pengundi Melayu, 36.7 pengundi Cina dan pengundi India 19.4 peratus (*Report of Singapore Parliamentary Electoral Division, 1979*).

RAJAH 3. Perbezaan Demografi Pengundi Kerusi Kampong Kembangan Selepas Persempadanan Semula Kawasan Pilihan Raya, 1980



Sumber: Report of Singapore Parliamentary Electoral Division, 1979, Election Department.

Sehubungan perkara itu, ketiadaan kerusi majoriti pengundi Melayu di Singapura menyebabkan parti yang berteraskan masyarakat Melayu gagal memberi persaingan sengit terhadap politik negara ini. Sokongan dari pengundi Melayu semata-mata menyebabkan parti Melayu yang bertanding gagal memenangi kerusi setiap kali PRUS diadakan. Untuk menang pada kerusi yang dipertandingkan tersebut, setiap calon dari parti itu perlu mendapatkan sokongan dari pengundi Cina dan pengundi India kerana kerusi yang dibentuk dari persempadanan baharu memeperlihatkan banyak kerusi campuran (Berita Harian, 29 Julai 1979). Oleh itu bermula PRU 1980, jumlah parti Melayu yang mengambil bahagian untuk bertanding pada PRUS semakin merosot.

Justeru itu, kemerosotan parti Melayu yang terlibat dalam pilihan raya ini diambil peluang oleh PAP untuk mengukuhkan kedudukan parti itu terhadap politik

Singapura, terutamanya dalam kalangan masyarakat Melayu di negara tersebut. Oleh

itu, bermula dengan pilihan raya 1968, PAP berjaya menang semua kerusi yang dipertandingkan di negara tersebut, termasuk kerusi pengundi Melayu (Report of Parliamentary Election, 1968). Sebelum LAA 1966 dan perumahan HDB mengubah demografi pengundi, kerusi majoriti pengundi Melayu seperti kerusi Kampong Kembangan merupakan kubu terhadap parti pembangkang, terutamanya yang membawa agenda untuk masyarakat Melayu. Sejak PRUS 1955, kerusi Kampong Kembangan dimenangi oleh parti Melayu seperti UMNO pada PRUS 1955 dan PRUS 1959. Perkara ini secara tidak langsung membuktikan gerakan politik Melayu di Singapura memberi ancaman terhadap kedudukan PAP di negara ini. Oleh demikian, kerajaan PAP melalui Lee Kuan Yew melaksanakan LAA 1966 dan menetapkan kuota berdasarkan *Ethnic Intergration Policy* supaya petempatan masyarakat di negara ini tidak

berkelompok mengikut kaum tertentu. Tindakan ini secara tidak langsung berjaya mengukuhkan kedudukan PAP terhadap politik negara ini.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, tindakan kerajaan menguatkuasakan LAA 1966 bukan sahaja untuk menyusun semula petempatan masyarakat di Singapura, tetapi turut dilakukan untuk pengukuhan politik PAP. Perkara ini merupakan tindakan ‘serampang dua mata’ yang dilakukan oleh Lee Kuan Yew bagi mengukuhkan kedudukan politik PAP di negara ini. Pada peringkat awal, LAA 1966 ini dikuatkuasakan bagi mendapatkan semula tanah di Singapura dengan tujuan pembangunan semula kawasan bandar. Justeru itu, kampung-kampung Melayu yang berada di kawasan bandar seperti Kampung Beremban, Kampung Serangoon Kecil dan Kampung Sungai Tangan berjaya diambil alih oleh kerajaan melalui LAA 1966 atas alasan pembangunan baharu negara. Penstrukturan semula petempatan masyarakat ini seterusnya memperlihatkan berlakunya implikasi terhadap masyarakat Melayu di negara ini. Dari sudut politik, kerusi majoriti pengundi Melayu yang menjadi ancaman terhadap PAP sejak PRUS 1955 di Singapura mengalami perubahan demografi kerana penyusunan semula masyarakat melalui pembinaan perumahan oleh HDB dan *Ethnic Intergration Policy*. Situasi ini memperlihatkan kerajaan berjaya mengubah demografi pengundi dari kerusi majoriti pengundi Melayu kepada kerusi campuran. Perkara ini bukan sahaja menyebabkan identiti politik masyarakat Melayu di negara ini semakin lemah, malah kelangsungan politik Melayu berjaya diambil alih oleh PAP. Situasi ini membantu PAP mengukuhkan kedudukan politik di Singapura. Oleh itu sejak PRUS 1968, PAP merupakan parti yang mendominasi politik di Singapura dengan memenangi semua kerusi setiap kali PRUS diadakan. Secara asasnya, walaupun LAA 1966 dilaksanakan

untuk tujuan ekonomi, namun penguatkuasaannya turut merangkumi tindakan politik daripada kerajaan dan memperlihatkan penguasaan PAP terhadap politik Singapura semakin kukuh setelah petempatan masyarakat di Singapura berjaya disusun semula melalui HDB dan *Ethnic Intergration Policy*.

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak dibiayai oleh mana-mana geran.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengakui bahawa tiada konflik kepentingan yang berlaku di antara pihak-pihak yang terlibat sama ada di sektor kerajaan, badan berkanun atau swasta dalam penulisan artikel ini.

SUMBANGAN PENULIS

Setiap penulis telah menyumbang kepada penulisan kandungan artikel ini.

RUJUKAN

- Abdul Azeez, Rizwana. (2016). *Negotiating Malay Identities in Singapore: The Role of Modern Islam*. Liverpool: Liverpool University Press.
- Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Straits Settlements, 1914. London: H. M. Stationery Office.
- Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Straits Settlements, 1920. London: H. M. Stationery Office.
- Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Straits Settlements, 1926. London: H. M. Stationery Office.
- Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Straits Settlements, 1931. London: H. M. Stationery Office.

- Berita Harian, 14 Ogos, 1971.
Berita Harian, 19 Mei 1989.
Berita Harian, 23 Ogos 1971.
Berita Harian, 28 Mac 1988.
Berita Harian, 29 Julai 1979.
Carter, Connie. (2021). *Eyes on the Prize: Law and Economic Development in Singapore*. New York: Springer Inc.
Chan, H. C. & Siddique, S. (2019). *Singapore's Multiculturalism Evolving Diversity*. New York: Routledge.
CO 1022/332. (1952). Colony of Singapore: land development on Singapore Island.
CO 1030/227. (1955). Singapore Legislative Council Elections.
CO 1030/475. (1958). Draft State of Singapore Bill.
CO 1030/81. (1956). Singapore: Constitutional Development.
FCO 141/14444. (1952). Singapore: Legislative Council; Increase in the Number of Elected Members.
FCO 141/15096. (1959). Singapore: Introduction of the new Constitution.
FCO 141/16510. (1920). Singapore: informal meeting with Unofficial Members of the Legislative Council at Government House, 25 April 1919
FCO 141/17160. (1963). Singapore: Activities of the People's Action Party.
Haila, Anne. (2015). *Urban Land Rent: Singapore as a Property State*. Singapore: John Wiley & Sons, Inc.
High Court Suit. (2019). No 152 of 2019 (Summons No 3427 of 2019), SGHCR 12, Civil Procedure, Singapore Government.
Li-ann Thio (2025). *The Rule of Law in Singapore: Legal Communitarianism, Paternal Democracy and the Developmentalist State*. New York: Bloomsbury Publishing Plc.
Mutalib, Hussin. (2012). *Singapore Malays: Being Ethnic Minority and Muslim in a Global City-State*. London: Taylor & Francis Inc.
Report of Singapore Parliamentary Electoral Division, 1979, Singapore Election Department.
Reports of Parliamentary Election. (1968). Singapore Election Department.
Singapore Land Authority Annual Report, 1966, Singapore: Government Print.
Singapore Land Authority Annual Report, 1969, Singapore: Government Print.
Singapore Parliament, Hansard, Volume 25, Sitting Date: 21 April 1966. Singapore: Government Print.
Singapore Parliament, Hansard, Volume 26, Sitting Date: 21 December 1967. Singapore: Government Print.
Singapore Parliament, Hansard, Volume 28, Sitting Date: 19 December 1968. Singapore: Government Print.
Singapore Parliament, Hansard, Volume 54, Sitting Date: 4 August 1989, Singapore: Government Print.
The Straits Times, 16 Januari 1969
The Straits Times, 19 September 1965.
The Straits Times, 27 Mei 1967.
The Straits Times, 29 Jun 1966.
The Straits Times, 30 Oktober 1966.
Tremewan, C. (2016). *The Political Economy of Social Control in Singapore*. London: Palgrave Macmillan.
UK Parliament, Hansard, Volume 123: Debated on: Monday 15 December 1919, (London: H.M.S.O, 1951).
Urban Redevelopment Authority Annual Report, 1975, Singapore: Government Print.
Urban Redevelopment Authority Annual Report, 1988. Singapore: Government Print.
Utusan Melayu, 28 Mac 1970.